Mengawasi Keselamatan, Masyarakat Terpelihara
Advocating Safety, For A Secured Community

2013
Laporan Tahunan
Annual Report

MOSTI
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia
Ministry of Science, Technology and Innovation Malaysia

AELB
ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD

VISI AELB

Sentiasa relevan sebagai sebuah badan perundangan yang berwibawa dalam keselamatan sinaran dan nuklear, sekuriti dan kawalgunaan untuk kegunaan secara aman bagi pembangunan mampan.

MISI AELB

Menggalakkan budaya inovasi bagi memastikan Penggunaan Teknologi Nuklear dan Sinaran dengan Aman dan Selamat.

KEUTAMAAN KAMI

MENGAWASI KESELAMATAN, MASYARAKAT TERPELIHARA

Selari dengan misi ini, AELB mengamalkan pendekatan perkongsian dinamik serta inovatif di dalam sistem pengurusan radiasi dan teknologi nuklear bagi memastikan keselamatan lestari bangsa serta keselamatan komuniti menyeluruh.

Untuk mencapai objektif ini, AELB menekankan kepentingan perkongsian dengan rakan kongsi antarabangsa serta nasional. Ini amat penting untuk memastikan keselamatan, perlindungan, keamanan dan penggunaan teknologi nuklear berterusan demi untuk pembangunan ekonomi yang lestari.

LOKASI KAMI

Lokasi-lokasi cawangan AELB yang berada di seluruh negara membantu peranan kami dalam memastikan SEKURITI dan KESELAMATAN nuklear negara. Ibu Pejabat AELB terletak di Dengkil, Selangor dan disokong lima Cawangan serta tujuh stesen pemantauan yang diletakkan di lokasi strategik di seluruh Malaysia. Keradioaktifan di dalam persekitaran dipantau dengan menggunakan Sistem Pemantauan Radiologi Persekitaran (ERMS). Untuk tujuan sekuriti nuklear negara, Portal Pemantauan Sinaran (RPM) dipasang dan diletakkan di pintu-pintu masuk negara untuk tujuan mengesan sinaran.



IBU PEJABAT

LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor
MALAYSIA
Tel: 603-8922 5888
Faks: 603-8922 3685
Laman web: www.aelb.gov.my

PEJABAT CAWANGAN DAN STESEN PEMANTAUN

Pejabat Cawangan AELB

CAWANGAN ZON UTARA (PULAU PINANG)
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
No. 29, Lorong Perda Selatan 1
Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang
Tel: 04-539 8391/539 0486
Faks: 04-537 6380

CAWANGAN SELATAN (JOHOR)
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Cawangan Zon Selatan (Johor)
No. 26, Jalan Sri Putra 1
Bandar Putra, 81000 Kulai
Johor
Tel: 07-663 2431/663 4300
Faks: 07-663 2409

CAWANGAN TIMUR (TERENGGANU)
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Cawangan Zon Pantai Timur (Terengganu)
Pt 6980, Bukit Kuang Business Centre
24000 Kemaman, Terengganu
Tel: 09-850 3362/60
Faks: 09-850 3361

CAWANGAN SABAH & SARAWAK
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Cawangan Zon Malaysia Timur
Sub Lot 13, Lots 2370 & 2371
Block 32, Kawasan Perindustrian Sibiyu
97000 Bintulu, Sarawak
Tel: 086-330 469/315 469/339 469
(Talian Terus ke Ketua Cawangan)
Faks: 086-332 469

CAWANGAN GEBENG, KUANTAN PAHANG
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Pejabat Cawangan Gebeng
B10, Jalan Balok Perdana 3/5
26080 Kuantan, Pahang
Tel: Tiada
Faks: Tiada

KANDUNGAN

JUTAAN TERIMA KASIH

Pihak Lembaga dan pengurusan tertinggi AELB ingin mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), lain-lain Kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan, serta rakan-rakan sejawat di peringkat antarabangsa di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan. Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua kakitangan AELB di atas komitmen dan dedikasi mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi serta membantu AELB mencapai matlamat yang membolehkan jabatan ini terus memikul tanggungjawab dan kekal sebagai satu badan penguatkuasa yang relevan, berkesan dan berwibawa.

PENTADBIRAN AELB

AELB adalah sebuah jabatan di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Lembaga AELB sebagai Pihak Berkuasa Berkaitan di bawah Akta 304 bertanggungjawab memberi nasihat kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kerajaan Malaysia mengenai perkara berkaitan dengan Akta 304, mengawal penggunaan tenaga atom, menubuhkan kerjasama saintifik berkaitan tenaga atom, dan melaksanakan obligasi yang timbul daripada perjanjian, konvensyen atau triti antarabangsa yang berkaitan dengan penggunaan tenaga atom secara aman. Keputusan berkaitan polisi, pengurusan kewangan dan strategi dibuat oleh Lembaga AELB dan diluluskan oleh Menteri MOSTI yang seterusnya memberi arahan kepada Ketua Setiausaha untuk tindakan di peringkat Kementerian.

Diterajui oleh Ketua Pengarah, AELB menjalankan operasinya menerusi pelbagai bahagian dan cawangan yang mempunyai tanggungjawab khusus di dalam perlesenan, pemeriksaan serta penguatkuasaan. Ketua Pengarah AELB melaksanakan program dan aktiviti yang berkaitan dengan perundangan jabatan dan melaporkan kepada Ketua Setiausaha MOSTI.

SISTEM PERUNDANGAN DAN PERATURAN-PERATURAN YANG MENGURUS TADBIR AELB

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 (ACT 304)

- Menyediakan peruntukan mengenai kawalseliaan dan kawalan tenaga atom.
- Menyediakan penetapan standard-standard mengenai liabiliti terhadap kerosakan nuklear.
- Menyediakan perkara-perkara yang berkaitan atau berhubungan dengannya.

BADAN KAWALSELIA

- AELB telah ditubuhkan dibawah Lembaga Perlesenan Perlesenan Tenaga Atom dibawah seksyen 3, Akta 304.
- Memastikan keselamatan, perlindungan, mengawal dan mengawasi pengeluaran, pernakaian dan penggunaan tenaga atom dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

CARTA ORGANISASI



PENARAJU AELB

Ahli Lembaga AELB

Pengerusi Lembaga
Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Sukiman Sarmani
Pensyarah
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ahli-ahli Lembaga

1 Y. Bhg. Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah bt. Mohd Yusoff
Timbalan Ketua Setiausaha - Sains
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(sehingga 31 Oktober 2013)

2 Y. Bhg. Datuk Dr. Noor Hisham b. Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

3 Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Nahrul Khair Alang Md Rashid
Pensyarah
Jabatan Kejuruteraan Mekatronik
Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

4 Y. Bhg. Datuk Ir. Ahmad Fauzi b. Hasan
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga

Setiausaha Eksekutif
Y.M. Raja Dato' Abdul Aziz b. Raja Adnan
Ketua Pengarah
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

PENGURUSAN TERTINGGI AELB

PEJABAT KETUA PENGARAH
Y.M. Raja Dato' Abdul Aziz b. Raja Adnan
Ketua Pengarah

Dr. Noor Hasnah bt. Mohamed Khairullah
Penasihat Khas

Saidatul Akmar bt. Suberi
Penasihat Undang-undang
(sehingga 20 November 2013)

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
Danny Al Jeffery b. Abdullah
Pengarah

BAHAGIAN DASAR, KOD & STANDARD
Pengarah - Ditanggung oleh: Monalija bt. Kostor

BAHAGIAN PERLESENAN
Hasmadi b. Hassan
Pengarah

BAHAGIAN INSTALLASI NUKLEAR
Mohd Pauzi b. Mohd Sobari
Pengarah

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN
Hamrah b. Mohd Ali
Pengarah

BAHAGIAN SOKONGAN TEKNIKAL
Mohd Yasin b. Hj. Sudin
Pengarah

PROFIL AELB

Penubuhan

Ditubuhkan pada 1 Februari 1985, AELB membolehkan Kerajaan Malaysia mengawal, memeriksa dan menguatkuasa aktiviti tenaga atom negara secara berkesan. Aktiviti tersebut meningkat dengan pesat pada tahun-tahun selepas 1968 apabila Kerajaan meluluskan Akta Bahan-bahan Radioaktif 1968 untuk mengawal penggunaan bahan radioaktif terutamanya di dalam bidang perubatan. Pada bulan April 1984, Parlimen Malaysia telah meluluskan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Pada peringkat awal, Jabatan ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi mengikut Seksyen 3 Akta 304. Pada 27 Oktober 1990, AELB telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri dan ditempatkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Kini, Akta 304 telah dinilai semula bagi memastikan kerelevanan dan keberkesanannya berterusan dalam memenuhi keperluan semasa.

Fungsi

- Memberi nasihat kepada Menteri dan Kerajaan Malaysia atas perkara berkenaan dengan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 dan perkembangan berkaitan terutamanya mengenai implikasi perkembangan tersebut bagi Malaysia.
- Mengawal dan mengawasi pengeluaran dan penggunaan tenaga atom dan perkara yang berkaitan dengannya.
- Menubuh, menyenggara dan membangunkan kerjasama saintifik dan teknikal dengan mana-mana badan, institusi atau organisasi lain berhubungan dengan perkara bersangkutan dengan nuklear atau tenaga atom sebagaimana difikirkan sesuai oleh Lembaga bagi maksud-maksud yang terkandung dalam Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.
- Melaksana sepertimana diarahkan sedemikian oleh Kerajaan Malaysia, bagi memenuhi obligasi yang timbul daripada perjanjian, konvensyen atau triti berhubungan

dengan perkara-perkara nuklear atau tenaga atom yang mana Malaysia menjadi satu pihak jika perjanjian, konvensyen atau triti itu ada hubungan dengan maksud-maksud yang terkandung dalam Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.

- Mengerjakan perkara lain yang timbul atau berbangkit daripada fungsi-fungsi Lembaga AELB di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 yang tidak berlawanan dengan maksud-maksud yang terkandung dalam Akta ini, sama ada diarahkan oleh Menteri atau tidak.

Peranan

- Memastikan keberkesanan fungsi penguatkuasaan AELB.
- Mencapai tahap keberkesanan dan ketelusan yang tinggi dalam operasi AELB.
- Menarik dan mengekalkan kakitangan cemerlang yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang diperlukan.
- Melaksanakan aktiviti AELB dengan tekun, termasuk seperti berikut:
  - Menyediakan peraturan, kod amali, standard, panduan dan nasihat.
  - Melesenkan penggunaan tenaga atom.
  - Melakukan pemeriksaan serta penguatkuasaan.
  - Menjalankan penyelidikan perundangan.
  - Melaksanakan kerjasama saintifik dan memenuhi obligasi di peringkat antarabangsa.
  - Menangani kecemasan nuklear dan radiologi.
  - Membangunkan budaya keselamatan.

Komitmen

- **Melindungi Sekuriti dan Keselamatan untuk Kesihatan dan Alam Sekitar**

  Dengan terbentuknya langkah-langkah dan keperluan peraturan SEKURITI berkaitan dengan bahan dan kemudahan nuklear, AELB dapat memastikan secara berkesan bahawa semua pemegang lesen beroperasi secara selamat setiap masa agar dapat melindungi KESELAMATAN orang awam serta persekitaran. AELB juga memastikan peralatan sinaran bagi tujuan perubatan dan KESIHATAN sentiasa digunakan dalam keadaan yang selamat, dan dalam masa yang sama membantu melindungi ALAM SEKITAR melalui perundangan yang relevan berkaitan dengan bahan dan kemudahan nuklear.

- **Kawalgunaan Aktiviti Nuklear untuk Tujuan Aman**

  Dalam mengawalselia penggunaan tenaga dan teknologi nuklear untuk memastikan ianya hanya digunakan untuk tujuan aman semata-mata, sebarang rancangan jangka masa panjang negara yang berkaitan dengan penggunaan tenaga nuklear dalam aktiviti aman yang lain akan sentiasa dipantau. AELB sentiasa memastikan komitmen dan sokongan negara terhadap Triti Ketidakcambahan (NPT) untuk Senjata Nuklear dan Perjanjian Kawalgunaan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), termasuk kawalan eksport bahan dan teknologi nuklear. Malaysia, melalui AELB juga merupakan ahli kepada kawalan import/eksport bagi bahan dan kemudahan nuklear melalui perundangan negara.

LAPORAN OPERASI

PERKEMBANGAN BERKAITAN DENGAN KESELAMATAN BAHAN NUKLEAR DI MALAYSIA

- **Menyokong Perjanjian Multilateral**
  Malaysia kini berada di dalam peringkat akhir menyemak semula Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) yang mana akan mengabungkan peruntukan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dan Konvensyen Perlindungan Fizikal Bahan Nuklear (CPPNM) serta Protokol Pindaan 2005; Konvensyen Antarabangsa Bagi Membanteras Kegiatan Keganasan Nuklear (ICSANT) dan Protokol Tambahan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) serta pelbagai peraturan yang ditetapkan oleh IAEA, Protokol Tambahan kepada Perjanjian Keselamatan Sejagat IAEA.

  Undang-Undang nuklear yang komprehensif ini membolehkan Malaysia menjadi ahli kepada pelbagai Konvensyen dan Protokol-Protokol Keselamatan Nuklear, termasuk akses kepada CPPNM, ratifikasi dari ICSANT, Protokol Tambahan IAEA serta mengadaptasi pelbagai Kod Etika IAEA.

- **Memperkasakan Sistem Sekuriti Bahan Nuklear dan Radiologi Kebangsaan.**
  Malaysia tekad meneruskan pelaksanaan Akta Perdagangan Strategik (STA) 2010 [Akta 708] yang digubal pada 1 Julai 2011. Akta ini bertujuan untuk mengawal eksport, transhipmen, transit dan pembrokeran barang strategik, termasuk senjata dan bahan yang berkaitan, serta aktiviti-aktiviti yang menyokong pembentukan, pembangunan, pengeluaran dan penghantaran senjata pemusnah besar-besaran, selaras dengan tanggungjawab ke atas keselamatan negara dan obligasi Malaysia di peringkat antarabangsa. Penggubalan STA melambangkan komitment Malaysia untuk melaksanakan UNSR 1540.

  Malaysia mengamalkan sistem Kawalan Bahan Nuklear untuk meningkatkan pengawasan serta pengawalan terhadap reaktor penyelidikan. AELB sedang bekerjasama rapat dengan Amerika Syarikat di dalam usaha menaiktaraf perlindungan fizikal untuk irradiator nuklear melalui program kerjasama Inisiatif Pengurangan Ancaman Global (GTRI). Terdapat empat Kemudahan Punca Radioaktif Kategori 1 di Malaysia yang telah menjalani proses penilaian pada Bulan Februari 2012, iaitu SINAGAMA, Gamma Green House, Gamma Cell dan Raymintex.

  Malaysia telah dijemput sebagai pakar di dalam program-program IAEA untuk berkongsi

pengetahuan serta amalan baik di dalam menangani keselamatan nuklear di peringkat nasional serta serantau bersama dengan peserta-peserta yang lain. Malaysia masih meneruskan langkah-langkah keselamatan yang telah dinyatakan di dalam Pelan Keselamatan Nuklear IAEA 2010-2013.

Malaysia juga telah melibatkan diri di dalam Projek Nasional IAEA yang dikenali sebagai NSF 11318-Deployment of Radiation Detection Equipment for Nuclear Security Applications untuk memperkasakan pembangunan sumber manusia di dalam keselamatan nuklear.

- **Sumbangan kepada IAEA di dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan Nuklear.**
  Malaysia komited di dalam melaksanakan IAEA Information Circular INFCIRC/225 - ke atas perlindungan fizikal di dalam kemudahan serta bahan nuklear.

  AELB telah melaksanakan ketetapan-ketetapan Kod Etika berdasarkan IAEA Code of Conduct on the Safety and Security of Radioactive Sources serta Supplementary Guidance on the Import and Export of Radioactive Sources. Program Kesedaran komprehensif terhadap cara pengurusan radioaktif di dalam Negara telah dijalankan untuk menambahbaik tahap kompetensi serta kebolehan mengurus bahan radioaktif ini dikalangan pengguna yang dibenarkan.

  Malaysia berusaha memastikan semua aktivit-aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan mematuhi Standards Antarabangsa yang telah ditetapkan oleh IAEA. Malaysia telah menilai semula Pelan Integrasi Keselamatan Nuklear (INNSP) dan telah terbukti bahawa Pelan ini boleh dijadikan instrumen berguna di dalam mereka bentuk program keselamatan nuklear nasional yang lestari.

  Dengan bantuan IAEA, Malaysia telah pun membangunkan INSSP bagi tempoh 2009-2013 sebagai pelan komprehensif untuk menambahbaik sekuriti nuklear di dalam Negara. Bagi tujuan tersebut juga, Malaysia telah mengulas semula INSSP untuk tahun 2013-2015 dengan memasukkan cadangan-cadangan dari IAEA.

- **Sokongan terhadap Aktiviti-Aktiviti yang berkaitan dengan Keselamatan Nuklear Antarabangsa**
  Malaysia telah mengesahkan perlaksanaan terhadap Statement of Principles to the Global Initiative to Combat Nuclear Terrorism (GICNT). Pada 3 Jun 2013, Malaysia telah berdaftar dengan International Catalogue of Sealed Radioactive Sources and Devices (ICSRS). Ini membolehkan Malaysia untuk mengenal pasti punca serta bekas punca dan butir-butir pengeluar dan pembekal di seluruh dunia.

  Ketika ini Malaysia masih merundingkan kerjasama dengan Myanmar termasuk pertukaran dan perkongsian amalan baik serta pengalaman di dalam isu keselamatan nuklear.

- **Sumbangan terhadap mengurangkan Bahan-Bahan Nuklear Sensitif**
  Hampir 3000 punca bahan Radioaktif Tidak Terpakai Terkedap (DSRS) disimpan di dalam tempat penyimpanan sementara Agensi Nuklear Malaysia. Untuk memastikan kawal selia serta keselamatan DSRD, Malaysia, dengan bantuan IAEA, sedang membangunkan kemudahan pelupusan yang menggunakan teknologi "borehole" untuk menguruskan bahan tidak terpakai ini di dalam keadaan yang selamat dan terjamin.

  Di bawah Polisi Sains, Teknologi dan Inovasi Kebangsaan, Malaysia sedang mengkaji tentang keupayaan thorium sebagai punca jana tenaga yang menyumbang kepada penggerakan tenaga nuklear. Polisi ini dikenali sebagai program "Flagship" untuk menyokong pembangunan teknologi baru yang mampan. Salah satu dari fokus utama program tersebut adalah mengkaji kebolehan penggunaan *thorium* daripada sumber-sumber tempatan digunakan untuk program Tenaga Nuklear Malaysia.

- **Penubuhan Pusat Kecemerlangan dan Sokongan**
  Malaysia telah diiktiraf sebagai Pusat Sokongan Keselamatan Nuklear (NSSC) oleh IAEA sejak Disember 2012. Menerusi NSSC, Malaysia mampu untuk meningkatkan kepakaran

tempatan di dalam keselamatan nuklear. Selain dari itu, Malaysia berterusan meningkatkan penguatkuasaan Undang-Undang menerusi latihan Pengesanan dan Tindabalas Kecemasan oleh badan penguatkuasa Undang-undang di dalam keadaan atau kontingensi yang melibatkan nuklear atau punca radioaktif yang lain.

Sebagai sebuah NSSC serantau, Malaysia dengan kerjasama IAEA, telah menyebarkan amalan baik serta berkongsi pandangan serta pengalaman dengan Negara-negara serantau. Ini bertujuan memperkasakan lagi kepakaran nasional serta pada masa yang sama bertepatan dengan usaha berterusan di dalam membentuk pertukaran maklumat serta rangkaian perkongsian pengalaman yang luas. Sebagai sebuah badan NSSC, Malaysia telah dijemput ke program-program IAEA di peringkat nasional serta antarabngsa untuk berkongsi pendapat dan pengalaman.

Sebagai sebuah badan yang diiktiraf sebagai NSCC, Malaysia berterusan memperkasakan penguatkuasaan undang-undang dengan menubuhkan Integrated National Nuclear Security Training Module kepada pegawai-pegawai terlibat.

- **Meningkatkan Usaha membenteras Pemerdagangan Nuklear dan Bahan Radioaktif secara haram.**
  Pada 29 Mac 2001, Malaysia telah diberi akses kepada Illicit Trafficking Database in Nuclear Material and Other Radioactive Sources. Pangkalan data ini di bawah pengurusan World Custom Organisation (WCO) dan International Police Organisation (INTERPOL). Keupayaan keselamatan nuklear Malaysia telah ditambahbaik dengan adanya pangkalan data antarabangsa.

Malaysia berterusan memastikan penambahbaikan di dalam sistem pengesanan sinaran yang telah ditetapkan oleh IAEA's standard Integrated Nuclear Security Network (INSN). Ini membolehkan Kastam Diraja Malaysia mengesan radiasi dari jauh di pintu masuk dan pintu keluar Negara. Malaysia telah mempunyai mekanisme pengesanan Pemeriksaan radiasi ketika majlis-majlis rasmi. Ini telah ditunjukkan semasa Global Entrepreneur Partnership Summit 2013 yang dianjurkan di Kuala Lumpur. Mekanisme penguatkuasaan di dalam pengesanan radiasi akan dilanjutkan untuk penambahbaikan di masa hadapan.

- **Memperkasakan Hubungan di antara Kerajaan dan Industri Nuklear**
  Pada Ogos 2013, AELB telah diberi mandat oleh Jawatankuasa Pelan Operasi Nasional Malaysia untuk mengetuai agensi Sokongan Teknikal di dalam melaksanakan langkah-langkah keselamatan nuklear di Malaysia.

Penggalakkan budaya industri nuklear selamat amat dititikberatkan. AELB telah menjalankan serta menyertai pelbagai program pembangunan sumber manusia yang berkaitan dengan keselamatan nuklear di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

LAIN- LAIN PERKARA PENTING DALAM TAHUN 2013

- **Bengkel Penilaian Keselamatan oleh AELB-KINS ke atas Projek Penambahbaikan Reactor Digital Instrumentation and Control System (ReDICS).**
  Pada 6 hingga 8 Februari 2013, beberapa pegawai dari AELB dan Agensi Nuklear Malaysia telah menghadiri bengkel penilaian keselamatan ReDICS yang dianjurkan oleh Korea Institute of Nuclear Safety (KINS) di Daejeon, Korea.

  Antara objektif bengkel ini adalah untuk membentangkan kajian teknikal dan penilaian AELB terhadap perlaksanaan pengubahsuaian ReDICS yang menggantikan sistem analog sedia ada. Kajian teknikal dan penilaian ini telah dilakukan selaras dengan keperluan keselamatan IAEA dan standard keselamatan AELB LEM/ TEK/53, serta mengambilkira cadangan dan amalan baik KINS.

  Kajian teknikal dan penilaian AELB ini beserta penemuannya telah didokumentasikan di dalam Laporan Awal Penilaian Keselamatan (SER) yang turut dibincangkan semasa bengkel ini berlangsung. Laporan Akhir SER ini telah digunapakai sebagai asas proses membuat keputusan peraturan AELB, sebelum sebarang kelulusan pembinaan fasiliti nuklear boleh dikeluarkan.

  Terdapat juga satu majlis pertukaran Rekod Perbincangan (ROD) di dalam Bengkel Penilaian Keselamatan AELB-KINS terhadap projek ReDICS ini. Majlis pertukaran ROD ini telah disempurnakan oleh En Sang-Yun Kim, Pengarah Bahagian Kajian dan Polisi, selaku wakil KINS, dan En Mohd Pauzi Mohd Sobari, Pengarah Bahagian Instalasi Nuklear selaku wakil AELB.

  ROD ini telah disediakan semasa Mesyuarat Persediaan Projek ReDICS AELB-KINS yang diadakan di AELB pada 14 dan 15 Ogos 2012, merangkumi semua aktiviti-aktiviti yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan dengan bantuan pakar-pakar dari KINS bagi memastikan kejayaan penilaian peraturan yang komprehensif terhadap perlaksanaan projek menaiktaraf ReDICS.

- **Bengkel Membangunkan Kapasiti Kebangsaan di dalam Tidakbalas Kecemasan Nuklear atau Radiologi di Afghanistan.**
  AELB telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah kepada Bengkel Membangunkan Kapasiti Kebangsaan di dalam Tindakbalas Kecemasan Nuklear atau Radiologi di Republik Islam Afghanistan.

  Bengkel yang diadakan dengan kerjasama IAEA pada 18 hingga 22 Mac 2013 ini bermatlamat membangunkan keupayaan dan kepakaran dikalangan badan-badan berkaitan di Afghanistan di dalam tindakbalas terhadap kecemasan nuklear dan radiologi. Sepuluh orang perwakilan dari deligasi Afghanistan telah menghadiri bengkel ini.

  Peserta Malaysia dari agensi-agensi yang berkaitan, termasuklah wakil-wakil dari Agensi Nuklear Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, wakil Kementerian Kesihatan Malaysia dan kakitangan AELB telah dijemput oleh IAEA untuk turut serta mengambil bahagian didalam bengkel ini.

- **AELB-KINS Audit Jaminan Kualiti terhadap Projek Menaik Taraf ReDICS.**
  Wakil-wakil dari AELB, Agensi Nuklear Malaysia, Korea Nuclear Technology (KNT) serta pakar-pakar dari Korea Atomic Energy Research Institute (KEARI) dan Korea Institute of Nuclear Safety (KINS) telah mengambil bahagian di dalam proses audit jaminan kualiti terhadap Reactor Digital Instrumentation and Control System (ReDICS) di Daejeon, Korea pada 1 hingga 5 April 2013.

  Objektif audit ini dijalankan adalah bagi memastikan bahawa komponen dan sistem yang dibekalkan adalah mematuhi keperluan Akta 304 serta peraturan-peraturan sunsidiarinya.

  Audit ini telah dijalankan berdasarkan manual jaminan kualiti dan prosedur yang ditetapkan. Elemen penting yang turut diambil kira semasa pemeriksaan audit ini dilakukan adalah fabrikasi, struktur peringkat mereka bentuk, sistem dan komponen ReDICS untuk memastikan bahawa kualiti pengubahsuaian adalah mengikut spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan.

  Terdapat beberapa cadangan telah diutarakan semasa mesyuarat penutup audit jaminan kualiti ReDICS ini bagi penambahbaikan pada masa akan datang. Majlis yang berlangsung selama lima hari ini turut memuatkan acara lawatan ke KNT, KEARI dan Syarikat RTP untuk pendedahan secara langsung kepada wakil-wakil Malaysia mengenai audit jaminan kuali ini.

- **Bengkel Serantau Mengenai Demonstrasi Keselamatan Kemudahan Pelupusan Sisa Radioaktif.**
  AELB telah diberi mandat oleh IAEA dan

Asian Nuclear Safety Network (ANSN) untuk menganjurkan bengkel serantau mengenai demonstrasi keselamatan kemudahan pelupusan sisa radioaktif.

Dua belas peserta dari Korea Selatan, Bangladesh, Thailand, Filipina, Vietnam, Indonesia dan Malaysia telah menghadiri bengkel yang diadakan di Ibu Pejabat AELB pada 17 hingga 21 Jun 2013. Wakil-wakil dari lain-lain agensi seperti Agensi Nuklear Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC) turut serta menghadiri bengkel ini selaku pemerhati luar.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membina dan memperkukuhkan kapasiti di dalam pembangunan dan demonstrasi kemudahan pelupusan sisa radioaktif secara selamat serta memberi tumpuan kepada pembangunan penilaian keselamatan oleh pengendali dan pandangan serta ulasan oleh badan penguatkuasa.

Peserta bengkel dan pemerhati juga telah diberikan latihan yang bertujuan meningkatkan pemahaman ke atas ceramah yang telah diberikan. Para peserta juga telah membuat pembentengan mengenai status terkini Negara masing- masing mengenai pengalaman dan pendekatan Negara mereka di dalam menunjukkan keselamatan kemudahan pelupusan sisa radioaktif di Negara mereka.

- **Mesyuarat Kali Ke-2 Kajian Teknikal ke atas Projek Compass-M: Gunapakai PSA terhadap Kemudahan Sedia Ada untuk Pembangunan Kemahiran Boleh Pindah-Milik di dalam Penggunaan PSA untuk Menilai Keselamatan NPP.**

  Mesyuarat ini adalah hasil anjuran bersama IAEA dan AELB yang diadakan di Ibu Pejabat AELB pada 3 hingga 7 Jun 2013. Selain daripada pegawai-pegawai AELB, mesyuarat ini juga telah dihadiri oleh ahli-ahli jawatankuasa projek dari Agensi Nuklear Malaysia dan pakar-pakar IAEA.

  Mesyuarat ini bertujuan mengkaji semula dan membincangkan skop PSA yang akan dilaksanakan di dalam projek ini serta perkembangan Projek COMPASS-M dari segi tugas, syarat-syarat, tanggungjawab dan isu-isu berkaitan.

  Projek ini memerlukan kerjasama di antara pakar-pakar dari badan penguatkuasa, organisasi penyelidikan nuklear dan universiti-universiti tempatan untuk mewujudkan kecekapan dan kebolehsaingan dikalangan pakar-pakar di Malaysia di dalam Kebarangkalian Penilaian Keselamatan (PSA) loji tenaga nuklear.

  Fokus utama projek ini adalah untuk menguasai teknologi PSA di dalam penilaian keselamatan loji tenaga nuklear melalui aplikasi secara praktikal berdasarkan Standard Keselamatan IAEA yang berkaitan, dalam usaha membangunkan satu model PSA untuk reaktor penyelidikan di Malaysia.

  Model PSA ini bertujuan untuk melaksanakan analisis terperinci mengenai turutan kemalangan dominan yang dikenalpasti serta menghasilkan laporan daripada hasil analisis tersebut.

- **Bengkel Serantau mengenai Kepentingan Pemahaman dan Pengetahuan di dalam Penyediaan Laporan Penilaian Tapak untuk Pembinaan Loji Tenaga Nuklear.**

  AELB dengan kerjasama Asian Nuclear Safety Network (ANSN) dan IAEA telah menganjurkan Bengkel Serantau mengenai Kepentingan Pemahaman dan Pengetahuan di dalam Penyediaan Laporan Penilaian Tapak pada 26 hingga 30, 2013 bertempat di Kuala Lumpur.

  Selain daripada penyertaan dari Malaysia, kira-kira tiga puluh (30) peserta lain dari lima (5) buah Negara iaitu Bangladesh, Thailand, Vietnam, Filipina dan Indonesia serta lima (5) pakar IAEA telah menghadiri bengkel ini.

  Bengkel ini memperkenalkan peserta kepada keperluan keselamatan IAEA dalam penyediaan laporan penilaian tapak yang merupakan salah satu dokumen sokongan utama yang diperlukan semasa memohon lesen tapak. Kajian kes dari negara-negara lain juga telah disampaikan oleh pakar-pakar dari Austria, India dan Turki.

  Peserta membincangkan pelbagai isu-isu yang berkaitan dengan penilaian tapak untuk pemasangan kemudahan nuklear, bahaya seismologi dan hidrologi, aplikasi sistem pengurusan untuk penilaian tapak, meteorologi, penyebaran radiologi dan kemungkinan rancangan kecemasan. Para peserta turut menyampaikan status pembangunan projek loji tenaga nuklear negara masing-masing yang berkaitan dengan aktiviti penilaian tapak dan juga isu-isu tertentu yang perlu dititikberatkan untuk mendapatkan permit kelulusan tapak.

  Bengkel ini menjadi landasan bagi pengendali loji tenaga nuklear Negara pada masa hadapan dan AELB selaku badan penguatkuasa untuk mengenal pasti keupayaan teknikal dan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan

aktiviti penilaian tapak. Ianya juga dapat membantu AELB untuk menilai Laporan Penilaian Tapak dan dokumen sokongan lain semasa proses perlesenan loji tenaga nuklear.

Wakil IAEA Encik H. Mahmood telah menyuarakan penghargaannya kepada Malaysia kerana telah menjadi rakan kongsi rapat dalam menggalakkan penggunaan piawaian IAEA secara global dan harmoni dan penerimaan amalan antarabangsa untuk memastikan operasi yang selamat bagi pemasangan nuklear, terutamanya di peringkat penilaian tapak.

- **Kursus Latihan Antarabangsa mengenai Langkah-Langkah Pencegahan dan Perlindungan terhadap Ancaman Dalaman di Kemudahan Nuklear.**

AELB telah menjadi tuan rumah kepada lebih daripada tiga puluh (30) wakil-wakil dari negara-negara yang telah memiliki pemasangan nuklear (termasuk reaktor penyelidikan) dan negara-negara yang ingin memulakan pemasangan nuklear dalam Kursus Latihan Antarabangsa mengenai Langkah-langkah Pencegahan dan Perlindungan Terhadap Ancaman Dalaman di Kemudahan Nuklear dari 30 September hingga 4 Oktober di Kuala Lumpur.

Bengkel lima hari bertujuan memperkenalkan kepada para peserta mengenai langkah-langkah keselamatan nuklear yang berkaitan dengan ancaman dalaman seperti kecurian bahan nuklear dan sabotaj serta keselamatan siber di kemudahan nuklear.

Pakar-pakar IAEA menyentuh konsep asas prinsip-prinsip dan objektif keselamatan nuklear dan keperluan IAEA di dalam dokumen Keselamatan Nuklear Siri No.8 dengan penekanan kepada mengenal pasti dan mengkategorikan ancaman orang dalam. Pelbagai kajian kes yang berkaitan dengan kejadian kecurian dan sabotaj telah dibentangkan.

Hasil daripada pembentangan, satu konsep telah diperkenalkan yang menekankan penilaian langkah-langkah pencegahan dan perlindungan dan menerangkan bagaimana langkah-langkah ini hendaklah digunakan untuk meningkatkan keselamatan terhadap ancaman dalaman.

- **Bengkel Pemeriksaan Pra-Operasi Projek Redics.**

Kelangsungan daripada beberapa siri aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan di bawah kerjasama AELB-KINS terhadap projek Reactor Digital Instrumentation and Control (ReDICS), satu bengkel Pemeriksaan Pra-Operasi untuk ReDICS telah diadakan pada 23 hingga 27 September 2013 bertempat di Ibu Pejabat AELB. Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan kefahaman konsep asas pentauliahan aktiviti sistem, struktur dan komponen dengan fokus kepada instrumentasi dan kawalan sistem digital.

Peserta bengkel telah dibawa melawat Agensi Nuklear Malaysia di mana mereka telah mendapat tunjuk ajar dari pakar-pakar KINS dalam melaksanakan pemeriksaan pra-operasi terhadap sistem Redics tersebut.

Didalam bengkel ini, Keperluan Keselamatan IAEA NS-R-4 Keselamatan Reaktor Penyelidikan dan amalan KINS telah digunakan sebagai asas untuk penyediaan dan pelaksanaan peringkat pentauliahan pemeriksaan pra-operasi. Ini adalah satu proses yang penting bagi memastikan pelaksanaan projek menaik taraf ini adalah selaras dengan undang-undang negara, keperluan keselamatan IAEA dan lain-lain amalan yang diterima di peringkat antarabangsa.

- **Bengkel Kebangsaan Penilaian Kendiri IAEA untuk Integrated Review of Infrastructure for Safety (IRIS) berdasarkan Specific Safety Guide No. 16 (Mewujudkan Infrastruktur Keselamatan untuk Program Tenaga Nuklear)**

AELB bersama dengan Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC) mengadakan bengkel kebangsaan mengenai Integrated Review of Infrastructure for Safety (IRIS) pada 16 hingga 18 Disember di Melaka.

Dua pakar IAEA, Cik Maren-Scarlett Ihlau dan Encik Nasir Mughal, dan kira-kira tiga puluh (30) peserta tempatan dari pelbagai agensi tempatan menghadiri bengkel ini. Bengkel ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada peserta dengan cadangan IAEA dalam IAEA SSG-16 (Mewujudkan Infrastruktur Keselamatan untuk Program Tenaga Nuklear) yang menggariskan unsur-unsur penting yang perlu dipertimbangkan dalam membangunkan infrastruktur keselamatan yang berkesan dalam menyelia program tenaga nuklear di Malaysia pada masa hadapan.

Para peserta telah melakukan latihan penilaian kendiri dan penggunaan SARIS telah diperkenalkan. Berdasarkan kepada cadangan daripada SSG-16, negara ini perlu melaksanakan penilaian kendiri, di mana hasil utama penilaian tersebut adalah untuk mengenal pasti jurang dan amalan baik selaras dengan keperluan dan saranan Standard Keselamatan IAEA dan untuk membangunkan mempertingkatkan pelan tindakan untuk setiap jurang yang telah dikenal pasti.

LANGKAH SETERUSNYA

PELAN TINDAKAN STRATEGIK 2011-2015

Di bawah Pelan Malaysia ke-10, lima bidang Keberhasilan utama telah dikenalpasti sebagai mampu laksana dari AELB.

Ini adalah seperti yang berikut:

- Perundangan dan struktur urus tadbir untuk radiasi dan keselamatan nuklear, perlindungan serta pengawalan
- Pengawalan dan penyeliaan
- Kerjasama nasional dan antarabangsa
- Pembangunan sumber manusia
- Pengurusan pengetahuan

Selaras dengan lima (5) bidang keberhasilan utama AELB telah menubuhkan enam pelan tindakan strategik bagi tempoh 2011-2015. Pelaksanaan pelan tindakan ini melibatkan peringkat yang berbeza-beza. Banyak yang telah dilaksanakan, walaupun masih ada yang perlu dibaiki untuk tujuan penambahbaikan.

AELB akan terus menguatkan integrasi dalaman dan luaran dengan rakan kongsi yang terdiri daripada pihak kerajaan dan juga swasta dari dalam Negara dan juga antarabangsa. Justeru itu, bagi memenuhi proses ini, AELB akan memastikan strategi, kekuatan, Standard operasi penyelesaian menjadi berguna dalam menangani tuntutan sektor teknologi nuklear di masa sekarang dan juga masa hadapan.

ST1

Meningkatkan pembangunan perundangan serta rangka kerajaan untuk keselamatan radiasi dan nuklear, perlindungan dan kawalselia termasuk penubuhan badan pengawalselia bebas yang efektif.

Pelan Tindakan

Penubuhan rangka perundangan dan urus tadbir untuk keselamatn radiasi dan nuklear, yang dinilai secara berjadual dan dinilai untuk memastikan keberkesanannya. AELB akan terus menyumbangkan kepakaran, professional serta pandangan serta cadangan yang adil dan tidak berat sebelah bagi memastikan objektif tercapai sepenuhnya.

ST2

Membangunkan kerjasama dan penglibatan yang aktif diperingkat nasional dan juga antarabangsa di dalam isu teknikal juga polisi keselamatan, perlindungan dan pengawalseliaan radiasi yang efektif.

Pelan Tindakan

- ***Bahagian Komunikasi dan Multimedia***
  - Memperkasakan program kesedaran awam
  - *Menambahbaik pengisian di dalam Galeri Kesedaran Awam*
  - *Mengatur dan mengkaji penyebaran menerusi media siber*

- ***Bahagian Sokongan Teknikal***
  - *Menyelaraskan pelaksanaan aktiviti kajian pengawalseliaan*
  - *Mengawasi pembangunan kajian pengawalseliaan.*

ST3

Meningkatkan mekanisme kawalan terhadap patuh-kawal selia serta kepuasan pelanggan.

Pelan Tindakan

- ***Bahagian Sokongan Teknikal***
  - *Mengenalpasti dan menguruskan pembelian peralatan saintifik*
  - *Meningkatkan pengetahuan pekerja tentang analisis sampel*
  - *Menganalisa serta mengesahkan sampel alam sekitar di makmal AELB*

- ***Bahagian Perlesenan***
  - *Menaiktaraf serta menambahbaik sistem eLesen serta membantu proses lesen di dalam talian serta pentauliahan permohonan, dan mengulas semula segala dokumen berkaitan yang dihantar oleh pemohon.*
  - *Membangunkan dokumen garis panduan bagi penilaian Impak Radiologi dan Pelan pengurusan Sisa / bahan buangan Radioaktif.*
  - *Mengkaji Piagam Pelanggan yang baru yang berkaitan dengan proses perlesenan.*

- ***Bahagian Penguatkuasaan***
  - *Menubuhkan fasiliti penyimpanan di tiga cawangan AELB untuk pengurusan eksibit yang lebih efektif*

- *Memudahkan dan memastikan keberkesanan proses penguatkuasaan*

ST4

Meningkatkan keberkesanan di dalam penyediaan tindak balas terhadap segala kemungkinan kecemasan nuklear dan radiasi.

Pelan Tindakan

- *Memastikan semua peralatan dikoloborasi dan kekal dalam keadaan yang baik*
- *Memastikan kebolehsediaan bekalan simpanan makmal setiap masa.*
- *Memastikan dan menjaga Environmental Radiation Monitoring System (ERMS) di setiap negeri.*

• ***Bahagian Penguatkuasaan***

- *Memastikan semua prosedur-prosedur diikuti dan dipatuhi sebagai rujukan untuk pengurusan kemungkinan kecemasan.*
- *Memastikan tindakan yang seragam di peringkat nasional.*
- *Membangunkan dan menubuhkan prosedur-*

prosedur berkaitan / dokumen panduan untuk tindakan tindak balas serta penyediaan semasa kecemasan (ERP)
- *Membeli dan menambahbaik infrastruktur kecemasan, kemudahan, peralatan dan sistem.*

ST5

Membangunkan kapasiti dan kebolehan infrastruktur AELB dan sumber manusia.

Pelan Tindakan

• ***Bahagian Komunikasi dan Multimedia***

- *Mengkaji semula Pelan Strategi Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT) bersesuaian dengan Pelan Strategik AELB*
- *Memastikan polisi keselamatan AELB ICT bertepatan dengan MAMPU dan MOST*
- *Menyediakan kemudahan tele video-konferen untuk pekerja*
- *Menyediakan infrastruktur internet dan bantuan teknikal bagi ERMS dan RPM*

• ***Bahagian Perlesenan***

- *Menubuhkan unit baru untuk pengesahan serta kelulusan permit di bawah sistem e-Permit-STA*
- *Menubuhkan pengendalian sistematik bagi pembangunan sumber manusia termasuk perlindungan, ciri-ciri keselamatan, NORM dan proses Mineral, pelesenan NPP, serta penilaian keselamatan.*

• ***Bahagian Penguatkuasaan***

Menyediakan dan mengadakan program latihan bagi memastikan semua aktiviti pemeriksaan adalah relevan dan patuh amalan antarabangsa.

• ***Bahagian Sokongan Teknikal***

Mengintegrasi perisian yang baru dengan sistem sedia ada untuk mengesan sebarang kehadiran pencemaran dan pemerdagangan bahan nuklear dan radioaktif.

ST6

Melindungi hak-hak mutlak pembangunan keselamatan teknologi nuklear dan bertujuan untuk keselamatan dan keamanan di Malaysia serta menggalakkan keyakinan awam terhadap penggunaan teknologi secara aman.

Pelan Tindakan

• ***Keseluruhan pelan tindakan AELB adalah termasuk***

- *Meneruskan penilaian kemampuan teknikal*
- *Membantu agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan di dalam mengesan tahap pencemaran serta pemerdagangan haram nuklear dan bahan-bahan radioaktif.*
- *Meneruskan usaha meratifikasi Protokol Tambahan terhadap perjanjian kawalan komprehensif dengan IAEA*

Advocating Safety, For A Secured Community

2013
Annual Report

MOSTI
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia
Ministry of Science, Technology and Innovation Malaysia

AELB
ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD

THE AELB MISSION

To encourage a culture of innovation in order to ensure the safe and peaceful use of radiation and nuclear technology.

THE AELB VISION

To remain a relevant regulatory authority with credibility in radiation and nuclear safety, security and to safeguard its peaceful uses for national sustainable development.

